

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1993/94

April 1994

HKT 202/NSK 013 Kritikan Sastera

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM LUA [2] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan, DUA [2] soalan daripada setiap Bahagian A dan B.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan

1. M.H. Abrams di dalam meneliti seluruh teori kritikan sastera telah merumuskan teori-teori kritikan kepada empat jenis orientasi. Bincangkan kewajarn pendekatan beliau dan kemudian huraikan perihal setiap orientasi kritikan tersebut.
2. Perbezaan di antara pandangan Sigmund Freud dengan pendapat Carl G. Jung mengenai kesusasteraan pada dasarnya terletak di dalam perbezaan di antara konsep bawah sedar persendirian (personal unconscious) dengan konsep bawah sedar kolektif (collective unconscious). Bincangkan perbezaan dua pendekatan ini dengan memerlihatkan implikasinya terhadap penilaian hasil-hasil kesusasteraan.
3. Apa yang anda fahamkan dengan pendekatan sosiologi di dalam kritikan sastera? Bincangkan dua corak pemikiran di dalam menilai hasil-hasil kesusasteraan yang menggunakan pendekatan ini.
4. "Kerja kritikan bukan sekedar memerlukan kepada penguasaan alat-alat asas dan alat-alat bantu, teori-teori dan pendekatan-pendekatan kritikan, tetapi lebih daripada itu ia memerlukan penikmatan yang mendalam, kepekaan yang halus bagi mendapat respons yang kuat daripada hasil yang ia kaji." Bincangkan.

**BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan**

5. Bincangkan secara ringkas salah satu daripada asas-asas kritikan sastera Timur ini: (a) Asas ch'ing dan ching dalam kritikan Wang Fu-chih; (b) Teori Sugesti/Dhvanya loka daripada Abhinavagupta; (c) Asas kritikan Abu Bakr al-Jurjani dalam Kitab Asrar al-Bhalagha yang berkaitan dengan majaz (bahasa figuratif) dan ishti'ara (meta-for).
6. Kemukakan kerangka teori semiotik yang digunakan oleh A. Teuw di dalam membahas masalah dinamika karya sastera dengan contoh yang dikutip daripada khazanah sastera Melayu/Indonesia.
7. Hermeneutika kerohanian atau metode Ta'wil sesuai digunakan untuk menganalisis karya-karya kerohanian Islam seperti syair-syair Hamzah Fansuri di Alam Melayu Nusantara. Bincangkan secara ringkas asas metode ini dengan mengambil kira beberapa buah daripada syair Hamzah Fansuri sebagai contoh untuk penerapannya.
8. "Explication de texte" adalah suatu metode kritikan sastera yang dipandang tradisional, namun masih relevan dan berfaedah. Bincangkan dan kemukakan pendapat anda mengenai faedah dan kesesuaian metode ini.